

Dr. Mahathir terima Ijazah Kehormat Doktor Sains Politik UiTM

SHAH ALAM 15 April — Tun Dr. Mahathir Mohamad hari ini dianugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Sains Politik dan Kerajaan oleh Universiti Teknologi Mara (UiTM) di sini.

Anugerah berkenaan disampaikan oleh Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail selaku Canselor pada Istiadat Konvokesyen Komemoratif UiTM.

Penganugerahan ijazah tertinggi UiTM tersebut sebagai mengiktiraf dan menghargai peranan selain sumbangan dan jasa bekas Perdana Menteri itu kepada universiti berkenaan.

UiTM juga menganggap pengetahuan, kemahiran dan peribadi Dr. Mahathir sebagai sesuatu yang sangat cemerlang dan mesti diberikan kedudukan serta pengiktirafan yang selayaknya demi kemajuan dan kecemerlangan bangsa serta masyarakat umum.

Anugerah itu juga diberi sebagai tanda terima kasih, kesyukuran serta rasa terhutang budi seluruh warga UiTM yang tidak pernah terlupa daripada meng-



YANG di-Pertuan Agong, Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail mengucapkan tahniah kepada Dr. Mahathir Mohamad selepas Istiadat Konvokesyen Komemoratif UiTM di Shah Alam, semalam.

um - 16/4/2004, m/s: 3

hargai budi dan jasa baik Dr. Mahathir demi pembangunan anak bangsa.

Dalam titah ucapan pada istiadat berkenaan, Tuanku Syed Sirajuddin menyatakan UiTM telah memberi penghormatan kepada seorang negarawan bangsa terulung yang telah begitu banyak memberi sumbangan kepada bangsa, negara dan agama.

Seri Paduka bertitah, Dr. Mahathir adalah seorang pemikir dan pemimpin berpandangan jauh dan dapat melihat serta menilai sumbangan serta status UiTM sebagai sebuah universiti yang unggul.

"Ternyata UiTM juga tidak menghampakan hasrat dan harapan Dr. Mahathir dan kini UiTM mempunyai 100,000 orang siswa dan siswi dari pelbagai

peringkat hinggalah ke ijazah tertinggi Doktor Falsafah.

"Di samping itu, UiTM masih meneruskan tradisi melahirkan graduan profesional yang amat diperlukan oleh negara dan sektor industri selain melahirkan para penyelidik yang mendapat pengiktirafan di peringkat nasional dan antarabangsa," titah Seri Paduka.